



**KERTAS POLISI**

**PUSAT SATELIT**

**INSTITUT SUKAN NEGARA**

## **ISI KANDUNGAN**

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>M/S</u></b>
Tujuan	1
Objektif Kertas Polisi	1
Latar Belakang	1
Governans	2
Fungsi Pusat Satelit	3
Kriteria Pemilihan Pusat Satelit	7
Pengurusan Aktiviti Pusat Satelit	7
Pengkomersialan	8
Permohonan Untuk Menjadi Pusat Satelit	8
Tempoh Masa Pusat Satelit	8
Perancangan Kewangan / <i>Business Planning</i>	8
Lampiran A	10

## **Tujuan**

1. Kertas Polisi ini bertujuan untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam penubuhan, pengiktirafan dan pengurusan Pusat Satelit dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan. Selaras dengan pematuhan garis panduan yang jelas dan proses pelaksanaan yang berintegriti dan sistematik, Institut Sukan Negara (“**ISN**”) dapat membangunkan Pusat Satelit mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Peraturan-peraturan ini juga akan dijadikan sebagai rujukan bagi rakan sekutu yang terpilih dalam penubuhan, pengiktirafan dan pengurusan Pusat Satelit.

## **Objektif Kertas Polisi**

2. Objektif kertas polisi ini adalah sebagai garis panduan dalam penubuhan, pengiktirafan dan pengurusan Pusat Satelit bagi memastikan pelaksanaannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

## **Latar Belakang**

3. ISN merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan pada 16 September 2011 di bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729] (“**Akta ISN**”). ISN merupakan peneraju kepada pembangunan kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara. Kecemerlangan dan kejayaan dalam peningkatan prestasi atlet dan sukan negara menjadi fokus utama ISN. Kejayaan melahirkan atlet bertaraf dunia adalah melalui penerapan elemen sains sukan dan perubatan sukan yang bermula dari peringkat akar umbi sehingga menjadi seorang atlet bertaraf dunia.

4. Industri sukan di Malaysia semakin berkembang pesat. Sehubungan dengan itu, permintaan terhadap kepakaran sains dan perubatan sukan di seluruh negara kini amat menggalakkan. Ini kerana wujudnya kesedaran dalam kalangan penggiat sukan terhadap kepentingan elemen sains, perubatan dan teknologi sukan dalam pembangunan sukan negara. Oleh yang demikian, keperluan menubuhkan, mengiktirafkan dan menguruskan Pusat Satelit adalah relevan dan wajar.

5. Kuasa ISN untuk menubuhkan, mengiktirafkan dan menguruskan Pusat Satelit adalah selaras dengan Seksyen 24(1) Akta ISN [**Sila rujuk Lampiran A**]. Selain itu, Pusat Satelit hendaklah menggunakan apa-apa nama yang diberikan oleh ISN seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 24(5) Akta ISN [**Sila rujuk Lampiran A**].

6. Bagi tujuan kertas ini, definisi penubuhan Pusat Satelit adalah meliputi dan tidak terhad kepada mana-mana agensi-agensi dan/atau organisasi-organisasi kerajaan dan/atau negeri yang berkenaan, institusi dan/atau badan-badan seperti Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), pusat sukan, pusat perubatan, pusat kajian dan penyelidikan, sektor awam dan/atau syarikat swasta tempatan dan/atau luar negara, yayasan, persatuan terpilih dan/atau apa-apa organisasi yang lain yang memenuhi kriteria ISN bagi menawarkan apa-apa perkhidmatan nasihat, perundingan, penyelidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang sains, perubatan sukan dan teknologi sukan.

## **Governans**

7. Governans ialah:

7.1 Sebuah Jawatankuasa Khas Pusat Satelit (“**Jawatankuasa Khas**”) boleh ditubuhkan bagi memastikan program dan aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan garis panduan untuk menjadi sebuah Pusat Satelit yang ditetapkan.

7.2 Mesyuarat Pengurusan Tertinggi ISN (“**MPT ISN**”) akan memantau dan menyelia Pusat Satelit bagi memastikan program dan aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan garis panduan untuk menjadi sebuah Pusat Satelit yang ditetapkan.

8. Selain itu, dengan wujudnya Pusat Satelit ini, ISN dapat memperluaskan bidang kepakaran dan perkhidmatan sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan yang meliputi Biomekanik, Fisiologi Sukan, Psikologi Sukan, Pemakanan Sukan, Analisis Prestasi Sukan, Suaian Fizikal, Perubatan Sukan, Fisioterapi dan Rehabilitasi Sukan, Urutan Sukan, Inovasi, Penyelidikan dan Pendidikan ke semua peringkat.

## **Fungsi Pusat Satelit**

9. Pusat Satelit beraspirasi untuk menjadi hab berdasarkan fungsi ISN seperti:
  - 9.1 Menjalankan kajian dan penyelidikan dalam sains sukan, perubatan sukan dan/atau teknologi sukan (secara bersesama);
  - 9.2 Memberikan perkhidmatan dalam sains sukan, perubatan sukan dan/atau teknologi sukan;
  - 9.3 Mengembangkan teknologi sukan serta inovasi dalam bidang sukan; serta
  - 9.4 Fungsi-fungsi lain tertakluk kepada Seksyen 5 Akta ISN [**Sila rujuk Lampiran A**].
10. Senarai perkhidmatan yang boleh ditawarkan di Pusat Satelit adalah seperti berikut:
  - 10.1 Sains Sukan dan Perubatan Sukan:
    - (i) Selaras dengan Seksyen 5(d) Akta ISN, Pusat Satelit boleh menawarkan perkhidmatan Sains Sukan seperti Biomekanik, Fisiologi Sukan, Psikologi Sukan, Pemakanan Sukan, Analisis Prestasi Sukan dan Suaian Fizikal bagi mengoptimumkan prestasi atlet.
    - (ii) Selaras dengan Seksyen 25(1) dan 25(2) Akta ISN, Pusat Satelit boleh menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam sains sukan dan perubatan sukan untuk membangunkan dan mempertingkatkan prestasi atlet serta menyediakan tatacara dan teknik bagi menguruskan kecederaan yang dialami oleh atlet akibat daripada apa-apa aktiviti, acara atau pertandingan sukan [**Sila rujuk Lampiran A**].
    - (iii) Selain daripada itu, perkhidmatan perubatan sukan juga dapat membantu atlet pulih daripada kecederaan dan mencegah kecederaan di masa hadapan.

10.2 Penyelidikan dan Pendidikan:

- (i) Selaras dengan Seksyen 25(1) Akta ISN, Pusat Satelit boleh menjalankan kajian mengenai aplikasi sains dalam bidang sukan, sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi atlet di tahap optimum di samping menerbitkan penulisan ilmiah serta membudayakan penyelidikan dan pendidikan di kalangan warga ISN [**Sila rujuk Lampiran A**].
- (ii) Peranan ini dapat memacu hala tuju program serta aktiviti penyelidikan dan inovasi di ISN, dengan memberi peluang kepada pegawai penyelidik untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih baik dan berkesan.
- (iii) Segala hasil dapatan daripada kajian dan/atau penyelidikan yang dijalankan dan dibiayai sepenuhnya oleh ISN hendaklah terletak hak pada ISN. Ini termaktub di bawah Seksyen 26(1) Akta ISN dan Seksyen 6(k) Akta ISN [**Sila rujuk Lampiran A**].
- (iv) Segala hasil dapatan kajian dan/atau penyelidikan yang:
  - (a) dijalankan oleh ISN dan dibiayai oleh Pusat Satelit; atau
  - (b) dijalankan oleh Pusat Satelit dan dibiayai oleh ISN; atau
  - (c) dijalankan dan dibiayai oleh Pusat Satelit; atau
  - (d) dijalankan secara bersama-sama oleh ISN dan Pusat Satelit dan dibiayai oleh ISN; atau
  - (e) dijalankan secara bersama-sama oleh ISN dan Pusat Satelit dan dibiayai oleh Pusat Satelit; atau
  - (f) dijalankan oleh ISN serta dibiayai secara bersama-sama oleh ISN dan Pusat Satelit; atau
  - (g) dijalankan oleh Pusat Satelit dan dibiayai secara bersama-sama oleh ISN dan Pusat Satelit;

akan terletak hak kepada ISN dan Pusat Satelit secara bersama-sama tertakluk kepada terma apa-apa perjanjian antara ISN dan Pusat Satelit.

- (v) Sebaliknya, segala hasil dapatan daripada penyelidikan dan/atau kajian yang dijalankan oleh Pusat Satelit yang dibiayai oleh mana-mana orang, enterpis swasta atau organisasi (selepas ini dirujuk sebagai “**mana-mana pihak tersebut**”) hendaklah terletak hak kepada Pusat Satelit dan mana-mana pihak tersebut secara bersesama tertakluk kepada terma apa-apa perjanjian antara Pusat Satelit dengan mana-mana pihak tersebut.

10.3 Inovasi dalam Bidang Sukan dan Teknologi Sukan:

- (i) Pusat Satelit juga merupakan pusat inovasi dalam bidang sukan. Perkhidmatan ini berkait rapat dengan aspek penyelidikan dan pendidikan.
- (ii) Hasil dapatan yang diperolehi daripada penyelidikan dan pendidikan di ISN secara tidak langsung dapat merencana, merancang aktiviti dan menggalakkan inovasi di kalangan warga ISN melalui penyelidikan untuk meningkatkan prestasi atlet serta penerbitan penulisan di peringkat ISN khususnya.
- (iii) Segala inovasi hasil dapatan daripada penyelidikan dan/atau kajian yang dijalankan dan dibiayai sepenuhnya oleh ISN hendaklah terletak hak pada ISN. Ini termaktub di bawah Seksyen 26(2) Akta ISN dan Seksyen 6(k) Akta ISN [**Sila rujuk Lampiran A**].
- (iv) Segala hasil dapatan kajian dan/atau penyelidikan yang:
- (a) dijalankan oleh ISN dan dibiayai oleh Pusat Satelit; atau
  - (b) dijalankan oleh Pusat Satelit dan dibiayai oleh ISN; atau
  - (c) dijalankan dan dibiayai oleh Pusat Satelit; atau
  - (d) dijalankan secara bersama-sama oleh ISN dan Pusat Satelit dan dibiayai oleh ISN; atau
  - (e) dijalankan secara bersama-sama oleh ISN dan Pusat Satelit dan dibiayai oleh Pusat Satelit; atau

- (f) dijalankan oleh ISN dan dibiayai secara bersesama oleh ISN dan Pusat Satelit; atau
- (g) dijalankan oleh Pusat Satelit dan dibiayai secara bersesama oleh ISN dan Pusat Satelit;

akan terletak hak kepada ISN dan Pusat Satelit secara bersesama tertakluk kepada terma apa-apa perjanjian antara ISN dan Pusat Satelit.

- (v) Sebaliknya, segala inovasi hasil dapatan yang diperolehi daripada penyelidikan dan/atau kajian yang dijalankan oleh Pusat Satelit yang dibiayai oleh mana-mana pihak tersebut adalah hendaklah terletak hak kepada Pusat Satelit dan mana-mana pihak tersebut secara bersesama tertakluk kepada terma apa-apa perjanjian antara Pusat Satelit dengan mana-mana pihak tersebut.
- (vi) Selaras dengan Seksyen 5(i) Akta ISN, Pusat Satelit menawarkan perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan inovasi dan teknologi sukan bagi membantu atlet-atlet mencapai kejayaan yang maksima dalam prestasi mereka.
- (vii) Perkhidmatan ini merangkumi kesemua aspek teknologi termasuk dalam pertandingan, di luar pertandingan dan pembangunan atlet secara holistik.

11. Jikalau Pusat-Pusat Satelit yang ditubuhkan dan diiktirafkan ingin menjalankan fungsinya selain daripada yang ditetapkan (*outside of the initial scope*), Pusat-Pusat Satelit tersebut hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ISN.

## **Kriteria Pemilihan Pusat Satelit**

12. Antara kriteria yang turut diambil kira dalam pemilihan rakan sekutu adalah dengan memastikan kesemua aktiviti yang dijalankan di Pusat Satelit ini sejajar dengan visi, misi, moto, pelan strategik ISN dan Seksyen 24 Akta ISN.

13. Segala aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan di Pusat Satelit ini adalah tertakluk kepada undang-undang negara dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh ISN serta tidak melibatkan sebarang isu sensitif yang mampu mencemarkan imej dan nama baik ISN sebagai Badan Berkanun Persekutuan.

14. Mana-mana Pusat Satelit yang menyelenggara klinik, farmasi, makmal dan kemudahan lain bagi perubatan sukan hendaklah tertakluk kepada undang-undang bertulis selaras dengan penubuhan, penyelenggaraan dan pentadbiran klinik, farmasi, makmal dan kemudahan lain.

15. Kriteria lain yang perlu diambil kira dalam proses pemilihan rakan sekutu termasuk:

- (i) Kemahiran dan kepakaran yang berkenaan;
- (ii) Lokasi;
- (iii) Logistik;
- (iv) Aktiviti, perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan; dan
- (v) Lain-lain yang disahkan sesuai dan manfaat.

## **Pengurusan Aktiviti Pusat Satelit**

16. Menurut Seksyen 17(1) Akta ISN, sebuah Jawatankuasa Khas boleh diwujudkan bagi mengawal selia kesemua Pusat Satelit dan juga melaporkan keadaan kewangan dan pengurusan kepada pihak pengurusan ISN dan Lembaga Institut [Sila rujuk Lampiran A]. Ketua Pusat Satelit yang dilantik mesti menghantar laporan aktiviti kepada Jawatankuasa Khas.

17. Segala aktiviti pengurusan Pusat Satelit akan dipantau oleh MPT ISN dan Jawatankuasa Khas bertanggungjawab untuk melaporkan kepada MPT ISN.

## **Pengkomersialan**

18. Selaras dengan Seksyen 28 Akta ISN, ISN boleh mengkomersialkan atau dikomersialkan apa-apa hasil dapatan penyelidikan yang berkaitan dengan ISN atau menyediakan apa-apa dapatan penyelidikan yang berkaitan dengan ISN kepada mana-mana orang bagi maksud pengkomersialan [**Sila rujuk Lampiran A**].
19. Ini bermaksud apa-apa inovasi atau hasil dapatan dari penyelidikan dan/atau kajian yang dilakukan di Pusat Satelit boleh dikomersialkan oleh ISN.

## **Permohonan Untuk Menjadi Pusat Satelit**

20. Permohonan untuk menjadi Pusat Satelit perlu dibuat dengan mengisi Borang Permohonan dan permohonan tersebut akan dinilai oleh Jawatankuasa Khas.
21. Selepas penilaian oleh Jawatankuasa Khas, permohonan tersebut akan dibentang kepada Lembaga Institut yang mempunyai budi bicara untuk melulus atau membatalkan permohonan tersebut. Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, ISN akan mengeluarkan sijil kepada Pusat Satelit.

## **Tempoh Masa Pusat Satelit**

22. Pusat Satelit boleh diiktirafkan sehingga maksima tiga (3) tahun di mana ISN mempunyai kuasa untuk melakukan pemantauan secara tahunan.
23. Pusat Satelit yang ditubuhkan dalam tempoh tetap boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh ISN dengan memberi notis bertulis tidak kurang dari tiga (3) bulan.

## **Perancangan Kewangan / *Business Planning***

24. Penubuhan Pusat Satelit tidak akan memberi sebarang implikasi kewangan kepada ISN. Ini kerana aktiviti penubuhan, pengiktirafan dan pengurusan Pusat Satelit ini akan dijalankan melalui *Key Performance Indicator (KPI)*, perancangan perniagaan, pelan perniagaan serta rancangan pelaburan oleh Pusat Satelit tersebut.

25. Proses pelaksanaan bagi penubuhan, pengiktirafan dan pengurusan Pusat Satelit yang berintegriti dan sistematik akan dipraktikkan di mana kesemua kos dan tenaga kerja pengurusan akan disediakan dan ditanggung sepenuhnya oleh rakan sekutu. Selain itu, rakan sekutu boleh menerima pelaburan dari mana-mana pihak lain bagi membiayai Pusat Satelit tersebut.

Tarikh kuat kuasa: 19 Julai 2022

**LAMPIRAN A**  
**[Akta ISN 2011]**

**Seksyen 5. Fungsi Institut**

Fungsi Institut adalah—

- (a) untuk menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang berkenaan dengan aspek saintifik berhubung dengan prestasi atlet;
- (b) untuk merumuskan, mengesyorkan dan mengkaji semula kaedah dan langkah saintifik yang meningkatkan prestasi atlet;
- (c) untuk bekerjasama dengan mana-mana entiti Kerajaan, institusi pengajian tinggi awam atau swasta, badan sukan atau mana-mana organisasi dalam program untuk mengenal pasti atlet yang berpotensi untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan;
- (d) untuk menyediakan perkhidmatan saintifik, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam sains sukan dan perubatan sukan;
- (e) untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan mana-mana orang, badan atau organisasi yang terlibat dalam pembangunan sains sukan dan perubatan sukan, di dalam dan di luar Malaysia;
- (f) untuk menyediakan dan menjalankan pemeriksaan dan rawatan perubatan yang perlu untuk ahli sukan;
- (g) untuk menjadi pusat maklumat, pusat sumber dan pusat rujukan bagi sains sukan dan perubatan sukan;
- (h) untuk mengumpulkan, menguruskan dan menyebarkan maklumat dan menyenggara rekod mengenai semua perkara yang berhubungan dengan aspek saintifik prestasi atlet;
- (i) untuk menjalankan dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan bidang lain yang berkaitan yang difikirkannya perlu; dan
- (j) untuk melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

## **Seksyen 6. Kuasa Institut**

- (1) Institut hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua benda yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu atau yang bersampingan dengan penjalanan fungsinya.
- (2) Tanpa menjelaskan kluasan subseksyen (1), kuasa Institut termasuklah kuasa—
  - (a) untuk menjalankan kursus dan program latihan dalam bidang sains sukan dan perubatan sukan;
  - (b) untuk menstruktur dan menentukan komponen sains sukan dan perubatan sukan dalam apa-apa program bagi persediaan atlet dan membantu dalam pelaksanaannya, di dalam dan di luar Malaysia;
  - (c) untuk menyelia teknik-teknik sains sukan dalam apa-apa program bagi persediaan atlet dan menyediakan sokongan teknikal yang perlu;
  - (d) untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa pemeriksaan, pengujian dan penilaian fizikal atau selainnya, dalam apa-apa program untuk mengenal pasti atlet yang berpotensi;
  - (e) untuk memeriksa, menguji dan menilai kompetensi jurulatih berkenaan dengan kemahiran dan teknik yang berkaitan dalam sains sukan;
  - (f) tertakluk kepada subseksyen (3), untuk menubuhkan, menyenggara dan mentadbir klinik, farmasi, makmal dan kemudahan lain bagi perubatan sukan;
  - (g) untuk menubuhkan dan menyenggara mana-mana tempat atau kemudahan di mana perkhidmatan saintifik, nasihat, perundingan, penyelidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam bidang sains sukan dan perubatan sukan boleh disediakan;
  - (h) untuk mengusahakan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan bidang lain yang berkaitan;
  - (i) untuk memudahkan dan menjalankan latihan dalam sains sukan dan perubatan sukan secara bersesama atau secara bersekutu, secara gabungan atau usaha sama dengan mana-mana entiti kerajaan, institusi pengajian tinggi awam atau swasta, badan sukan atau organisasi;

- (j) untuk membuat rundingan, perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana orang, badan atau organisasi, di dalam atau di luar Malaysia, sebagaimana yang difikirkannya patut bagi menunaikan fungsinya;
- (k) untuk memperoleh, memegang, melupuskan atau memberikan hak berkaitan dengan apa-apa dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh atau bagi Institut;
- (l) untuk mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi penggunaan apa-apa kemudahan yang berhubungan dengan penyelidikan, pengujian, nasihat atau apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Institut;
- (m) untuk mengutip dan menerima apa-apa wang berhubung dengan penggunaan kemudahannya dan sebagai balasan bagi perkhidmatan lain yang diberikan oleh Institut;
- (n) untuk membuat sumbangan kepada badan atau organisasi, di dalam atau di luar Malaysia, yang Institut merupakan anggotanya atau kepada mana-mana organisasi yang berhubungan dengan sains sukan dan perubatan sukan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; dan
- (o) untuk membuat semua perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(3) kuasa Institut di bawah perenggan (2)(f) hendaklah tertakluk kepada apa-apa undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penubuhan, penyenggaraan dan pentadbiran mana-mana klinik, farmasi, makmal dan kemudahan lain.

#### **Seksyen 17. Institut boleh menubuhkan jawatankuasa**

- (1) Institut boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.
- (2) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menimbangkan perkara yang dirujuk kepadanya oleh Institut dan membuat syor yang sesuai mengenainya kepada Institut.

- (3) Institut boleh memilih mana-mana anggotanya atau mana-mana orang lain menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).
- (4) Institut boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.
- (5) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dan, dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Institut.
- (6) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.
- (7) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.
- (8) anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (7) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Institut.
- (9) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.
- (10) Institut boleh, pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.
- (11) Seseorang anggota jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui suatu notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi Institut.
- (12) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan—
  - (a) minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
  - (b) salinan minit semua mesyuaratnya diserahkan kepada Institut seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

- (13) Mana-mana minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.
- (14) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan dengan prosidingnya minit telah dibuat mengikut subseksyen (12) dan (13) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

#### **Seksyen 24. Pusat satelit**

- (1) Institut boleh menubuhkan pusat satelit untuk memberikan perkhidmatan nasihat, perundingan, penyelidikan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam bidang sains sukan dan perubatan sukan.
- (2) Pusat satelit yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah diketuai oleh seseorang yang dilantik oleh Institut.
- (3) Ketua pusat satelit hendaklah bertanggungjawab kepada Institut dan hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang diberikan oleh Institut kepadanya.
- (4) Pusat satelit yang menyenggarakan klinik, farmasi, makmal dan kemudahan lain bagi perubatan sukan hendaklah tertakluk kepada apa-apa undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penubuhan, penyenggaraan dan pentadbiran klinik, farmasi, makmal, dan kemudahan lain itu.
- (5) Pusat satelit hendaklah menggunakan apa-apa nama yang diberikan oleh Institut.

#### **Seksyen 25. Penyelidikan dalam sains sukan dan perubatan sukan**

- (1) Institut hendaklah menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam sains sukan dan perubatan sukan.
- (2) Tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), Institut boleh menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkenaan dengan sains sukan dan perubatan sukan—
  - (a) untuk membangunkan prestasi atlet;
  - (b) untuk mempertingkat prestasi atlet dalam apa-apa aktiviti, acara atau pertandingan sukan; dan

- (c) untuk menyediakan tatacara dan teknik bagi menguruskan kecederaan yang dialami oleh atlet akibat daripada apa-apa aktiviti, acara atau pertandingan sukan.

#### **Seksyen 26. Harta dalam dapatan penyelidikan**

- (1) Harta dalam tiap-tiap dapatan penyelidikan yang diusahakan oleh Institut yang dibiayai sepenuhnya melalui pemberian yang dibuat kepada Institut oleh mana-mana entiti kerajaan hendaklah terletak hak pada Institut.
- (2) Harta dalam apa-apa dapatan penyelidikan yang diusahakan oleh Institut yang dibiayai oleh mana-mana orang, enterpis swasta atau organisasi hendaklah terletak hak pada Institut dan mana-mana orang, enterpis swasta atau organisasi itu secara bersama-sama, tertakluk kepada terma dalam apa-apa perjanjian antara Institut dengan orang, enterpis swasta atau organisasi itu.
- (3) Institut boleh menyediakan apa-apa dapatan penyelidikan yang terletak hak pada Institut menurut kuasa subseksyen (1) kepada mana-mana orang atau badan, tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran apa-apa fi, royalti atau balasan lain, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Institut.

#### **Seksyen 28. Pengkomersialan dapatan penyelidikan**

Institut boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat dan pembayaran apa-apa fi, royalti atau balasan lain, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Institut, mengkomersialkan atau menyebabkan supaya dikomersialkan apa-apa dapatan penyelidikan atau menyediakan apa-apa dapatan penyelidikan kepada mana-mana orang bagi maksud pengkomersialan.